

## BIMB salur RM50,000 bantu penuntut USIM

SEREMBAN 20 Mac - Bank Islam Malaysia Bhd. (BIMB) menyalurkan bantuan zakat sebanyak RM50,000 kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk diagihkan kepada penuntut kurang berkemampuan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, zakat tersebut akan disalurkan kepada penuntut berkenaan dalam usaha membantu meringankan beban kewangan mereka.

"Pihak universiti amat berterima kasih dan menghargai inisiatif pihak korporat ini ke arah meringankan beban kewangan pe-

nuntut yang kurang berkemampuan terutama bagi menjelaskan yuran pengajian mereka," katanya di sini semalam.

Majlis penyerahan sumbangan zakat itu disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi BIMB, Datuk Norasni Ayob kepada Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

Menurut Mohamed Asin, bagi tujuan pengagihan, USIM menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menilai penerima zakat yang layak menerusi garis panduan yang ditetapkan.

"Pemberian zakat ini kita berikan kepada asnaf yang layak meliputi tiga golongan sahaja iaitu

fakir, miskin dan fisabilillah.

"Mekanisme penentuan penerima yang layak dibuat secara telus dan terperinci berdasarkan kriteria yang ditetapkan mengikut garis panduan agihan zakat oleh institusi zakat dan Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (Jawhar)," ujarnya.

Tahun lalu, setiap penuntut dalam golongan fakir menerima RM1,500, golongan miskin sebanyak RM1,000, manakala golongan fisabilillah sebanyak RM500.

Jumlah bantuan zakat tersebut juga bergantung kepada sumbangan zakat yang diterima universiti dan bilangan permohonan yang layak pada tahun berkenaan.



**ASMA Ismail (tengah) menerima cek replika sumbangan zakat BIMB daripada Norasni Ayob sambil disaksikan Mohamed Asin Dollah di universiti berkenaan di Seremban, baru-baru ini.**